

Oleh Mahathir Mazahar

Sistem Pendidikan Lahirkan Pekerja Mahir



PADA alaf baharu dan era globalisasi, kemajuan ekonomi sesebuah negara tidak lagi bergantung pada kemajuan industri komoditi bahan mentah semata-mata, sebaliknya turut menitikberatkan aspek modal insan yang berkualiti. Pertumbuhan ekonomi amat memerlukan sumber manusia sebagai modal yang penting, di samping faktor kewangan dan teknologi. Negara memerlukan modal insan sebagai "komoditi" yang mempunyai pakej yang lengkap dari segi pengetahuan, kemahiran dan sahsiah diri yang utuh, selain berupaya dari segi bakat, idea serta kreativiti dan inovasi.

Oleh sebab pembentukan modal insan yang berkualiti melalui elemen pendidikan diperlukan, peruntukan yang besar diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan sebagai manifestasi komitmen kerajaan dalam pembentukan modal insan yang diperlukan oleh sesebuah negara maju. Sistem pendidikan perlu menangani perubahan zaman supaya negara tidak ketinggalan, di samping memberikan penekanan terhadap aspek daya pemikiran, sahsiah diri, kreativiti, inovasi dan daya saing dalam kalangan modal insan yang dilahirkan menerusi sistem pendidikan.

Bagi melahirkan dan membentuk modal insan yang mampu berfikir secara kritis, inovatif dan kreatif untuk memenuhi keperluan ekonomi berpendapatan tinggi, institusi pendidikan menjadi satu daripada sektor terpenting yang dipertanggungjawabkan untuk sama-sama memainkan peranan dan mencapai sasaran yang diharapkan. Tanggungjawab yang dipikul oleh institusi pendidikan amat penting untuk menghasilkan pelajar yang bakal mengisi keperluan modal insan yang lebih berdaya saing pada peringkat global, sekali gus memberikan impak yang positif kepada penjana ekonomi negara. Keberkesanan institusi pendidikan bagi melahirkan pelajar sebagai individu yang berkeupayaan tinggi merupakan petunjuk dan ukuran kepada kualiti pencapaian pelajar yang dihasilkan oleh institusi tersebut.

Bagi merealisasikan usaha ini, Malaysia sedang melaksanakan enam tindakan untuk melahirkan golongan pekerja yang lebih berdaya saing bagi menggerakkan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Menurut Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, enam tindakan itu meliputi pelbagai aspek termasuk meningkatkan tahap kemahiran serta meningkatkan pendapatan golongan pekerja. Bagi tindakan pertama, kerajaan sedang mentransformasikan mekanisme permintaan dan penawaran pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET), khususnya bagi memenuhi keperluan 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan baharu yang memerlukan kelayakan TVET menjelang tahun 2020.

Antara langkah terbaharu kerajaan termasuklah pengiktirafan kelayakan kemahiran dalam skim perkhidmatan awam, khususnya bagi Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Bagi tindakan kedua, kerajaan berusaha merekayasa program latihan kemahiran agar lebih relevan dan bersepadu bagi melahirkan lebih banyak tenaga kerja mahir. Tindakan ketiga pula, negara menambah baik undang-undang perburuhan dan amalan perhubungan perusahaan termasuk penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang membuka peluang yang lebih besar kepada usahawan dan pelabur tempatan bagi meneroka pasaran baharu di 11 buah negara TPPA.

Untuk tindakan keempat, kerajaan menjangkakan agihan pendapatan yang lebih adil antara pemilik modal dan pekerja susulan

daripada pematuhan gaji minimum yang lebih menyeluruh, penambahbaikan produktiviti serta program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (RPL) serta penambahbaikan gaji siswazah TVET. Tindakan kelima merujuk usaha memperkasakan jaringan keselamatan sosial seperti membangunkan aplikasi mudah dalam talian yang mesra pengguna, iaitu "i-PERKESO" (Pertubuhan Keselamatan Sosial) bagi membolehkan pekerja berhubung terus dengan agensi itu, manakala tindakan keenam pula berkaitan dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016 – 2020 yang merupakan kesinambungan pelan terdahulu.

Dalam hal ini, ekonomi yang berpandukan inovasi dan kreativiti wajar dijadikan hala tuju untuk meningkatkan momentum pertumbuhan ekonomi negara. Berdasarkan jangkaan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), tahun 2017 akan turut menjadi tahun yang mencabar. Pertumbuhan global dijangkakan meningkat hanya daripada 3.2 peratus pada tahun 2016 kepada 3.5 peratus pada tahun 2017. Oleh hal yang demikian, pemain industri harus mengambil peluang daripada kemajuan sains dan teknologi serta menyuntik semangat inovasi dan kreativiti untuk meningkatkan ekonomi domestik.

Pada masa yang sama, kadar produktiviti tenaga kerja juga perlu ditingkatkan dalam usaha ke arah menjadi negara maju, di samping menawarkan latihan untuk pekerja yang dilengkapkan dengan kemahiran baharu. Dalam hal ini, kadar pelaburan asing yang meningkat daripada RM9.9 bilion pada suku pertama tahun 2015 kepada RM15 bilion pada suku pertama tahun 2016 memperlihatkan keyakinan pelabur luar kepada Malaysia.

Pembangunan modal insan, sama ada pada peringkat sarjana atau sijil, sangat penting sebagai usaha untuk memastikan Malaysia dapat keluar daripada kelompok negara membangun. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, kerajaan menetapkan sasaran 50 peratus daripada sumber manusia di Malaysia terdiri daripada pekerja mahir menjelang tahun 2020. Hal ini sudah pasti menjadi cabaran yang besar kepada negara memandangkan ketika ini negara mempunyai 29 peratus sahaja pekerja yang berstatus pekerja mahir. Peratusan ini tentu sahaja dianggap rendah jika dibandingkan dengan purata 38 peratus yang




Kerajaan sedang mentransformasikan mekanisme permintaan dan penawaran pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET).

Control No: A 000-275252

Education - General

File No: MA/education/2016/Edu2016A01.pdf Pg: 6-8



Kerajaan memperkasakan program TVET untuk membekal tenaga mahir dan separuh mahir untuk industri negara.

dicapai di negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD).

Ternyata program vokasional yang diberi nafas baharu pada tahun 2012, melalui Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV), dapat menangkis tanggapan negatif sesetengah pihak yang menganggap program tersebut tidak mempunyai masa depan yang cerah. Untuk itu, institusi pengajian tinggi di negara ini digalakkan mewujudkan lebih banyak program dalam bidang TVET bagi membantu melahirkan tenaga kerja mahir yang diperlukan apabila Malaysia mendapat status negara maju dan berpendapatan tinggi kelak.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan berkata, mereka juga digalakkan mengadakan jaringan kerjasama sama ada dalam kalangan institusi pendidikan tempatan ataupun luar negara bagi membolehkan berlakunya pertukaran kepakaran dan perkongsian pengetahuan. Hal ini, tambah beliau, bagi menjamin 1.5 juta peluang pekerjaan dalam bidang kemahiran dan teknikal yang akan diwujudkan menjelang tahun 2020 bakal diisi oleh rakyat Malaysia, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap khidmat kepakaran asing.

Di samping itu, menerusi projek rintis dengan mewujudkan 15 buah kolej vokasional di setiap negeri, aliran pendidikan vokasional mendapat penerimaan yang positif dan diangkat sama tahap

dengan aliran perdana. Pelajar lulusan kolej tersebut bukan sahaja memperoleh tahap kemahiran yang tinggi, malah berjaya menarik minat pihak industri untuk mengikuti latihan bekerja dalam industri atau *on the job training* (OJT).

Pelaksanaan OJT ini semasa empat bulan terakhir merupakan syarat wajib bagi pelajar diploma berkenaan dan memberi mereka peluang meningkatkan kemahiran serta merasakan sendiri pengalaman berada di alam pekerjaan. Semasa OJT, penilaian dibuat bagi melihat kompetensi pelajar, sama ada mereka memenuhi kehendak pihak industri ataupun sebaliknya. Bagi pelajar yang berjaya, mereka akan ditawarkan pekerjaan, manakala bagi yang tahap kompetensi masih kurang, mereka akan terus membuat latihan industri walaupun sudah tamat menjalani OJT.

Menurut Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Kementerian Pendidikan, Zainuren Mohd. Nor, langkah itu sekali gus memberikan impak bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang diperlukan oleh industri tempatan. Hal ini terbukti apabila 30 peratus daripada 2608 orang pelajar di 15 buah kolej vokasional rintis sudah ditawarkan pekerjaan dalam industri walaupun belum menerima Diploma Vokasional Malaysia (DVM).

Perkembangan positif ini dilihat penting bagi menyokong langkah kerajaan yang menyasarkan 30 peratus hingga 35 peratus pekerja mahir terlatih dilahirkan menjelang tahun 2020 dengan sasaran 7000 orang pekerja dikeluarkan setiap tahun mulai tahun ini. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 10 ribu orang sedang mengikuti pelbagai bidang latihan kemahiran di lebih 1200 pusat latihan setiap tahun termasuk di 700 buah pusat latihan kerajaan. Negara berupaya menghasilkan tenaga kerja mahir dan terlatih sekiranya lulusan institusi latihan diberi keutamaan untuk mendapatkan pekerjaan.

Perkembangan ini juga dilihat memberikan impak yang besar kepada usaha untuk merancakkan sektor pendidikan di Malaysia, di samping dapat memberikan nilai tambah kepada sektor ini pada peringkat domestik dan antarabangsa, selain berperanan juga bagi menyediakan modal insan yang kompeten dalam kemahiran akademik dan generik. Hal ini secara tidak langsung dapat merealisasikan usaha kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang berkebolehan bagi memenuhi keperluan modal insan yang berkualiti dan menepati kehendak sebuah ekonomi berpendapatan tinggi. ●

Negara berupaya menghasilkan tenaga kerja mahir dan terlatih sekiranya lulusan institusi latihan diberi keutamaan untuk mendapatkan pekerjaan.